

15/02/2003

Pemuda arah ahli tidak hadir debar SAR

KUALA LUMPUR: Ahli Pemuda Umno diarahkan tidak menghadiri debat mengenai isu sekolah agama rakyat (SAR) antara Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk

Seri Mohamed Nazri Aziz dan Timbalan Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, Salahuddin Ayob, di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini esok.

Naib Ketuaanya, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, berkata beliau sudah diminta oleh Nazri agar tidak hadir kerana Nazri hanya mahu beliau saja berdepan dengan ahli Pas ketika perdebatan.

Beliau berkata, perkara itu dimaklumkan secara lisan oleh Nazri sebelum

majlis taklimat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), kelmarin.

"Kita yakin walaupun tidak ada penyokong Umno ketika perbahasan, Nazri dapat membuktikan serta mematahkan hujah Pas bahawa parti itu tidak langsung membantu perkembangan SAR, sebaliknya merosakkan sistem pendidikannya,

"Nazri tidak keseorangan kerana lebih 700,000 ahli Pemuda Umno dan kira-

kira 2.7 ahli Umno berdiri teguh di belakangnya dengan memberi sokongan jitu bagi mendebatkan isu itu," katanya, semalam.

Abdul Aziz ingin menghadiri majlis itu, tetapi Nazri memberitahunya, beliau hanya mahu bersemuka dengan penyokong Pas yang selama ini dikelirukan oleh pemimpin Pas berhubung isu SAR.

"Saya difahamkan Nazri sudah memulangkan semula 300 pas masuk dewan yang

diperuntukkan kepada Pemuda Umno kepada penyokong Pas yang berminat mengikuti perdebatan," katanya.

Beliau juga berkata, Pemuda Umno yakin Nazri cukup sedia untuk menangkis

hujah lawan berhubung isu itu, berdasarkan pengalamannya dan kewibawaannya

selama berada dalam Umno.